# Utusan Malaysia - Sedia Peluang Ekonomi Untuk Tarik Belia Kembali Ke Desa

Isnin, Mei 29 2017



ASYRAF HADI

ANDING INDRAWANI ZAINI

NOR ZANARIZAN WAHAB

## Sedia peluang ekonomi untuk tarik belia kembali ke desa

UTUSAN

KUCHING, 26 Mei –

**KUCHING 28 Mei** – Kawasan luar bandar berpotensi untuk kembali didiami oleh golongan belia dalam tempoh 30 tahun akan datang sekiranya kerajaan dapat menyediakan kemudahan asas yang lengkap dan peluang ekonomi bagi menjana pendapatan penduduk.

Ikon belia Sarawak, **Asyraf Hadi**, 31, berkata, tugas sebagai pegawai kewangan telah membawanya menjelajah ke beberapa perkampungan terpencil di negeri ini seperti Song, Ulu Katibas dan Ulu Palagus di Kapit.

"Bila tiba di kawasan ini, saya mendapati isu utama yang timbul ialah jarak usia penduduk adalah terlalu jauh. Susah sekali mahu bertemu dengan penghuni rumah panjang yang berusia antara 18 dan 40 tahun, iaitu kategori belia.

"Masalah ini timbul kerana di kampung mereka tiada peluang pekerjaan menyebabkan belia terutama lulusan universiti terpaksa berhijrah ke bandar untuk bekerja," katanya.

Menurut Asyraf, dia juga pernah pergi ke sebuah kampung terpencil di mana

yakin masalah yang dihadapi masyarakat luar bandar dapat diatasi jika kerajaan meningkatkan kemudahan infrastruktur termasuk menyediakan perkhidmatan internet bagi membolehkan penduduk yang terlibat dalam sektor perniagaan dan pertanian memasarkan produk melalui e-dagang.

Artis kelahiran Sarawak yang mempunyai ibu berketurunan Bidayuh, dan bapa dari suku Melanau, **Anding Indrawani Zaini** turut mengakui dia bersama keluarganya sudah lama berhijrah ke Semenanjung dari kampung halaman di Kampung Rajang, Mukah kerana faktor kurangnya peluang pekerjaan di situ.

Pelajar GiatMARA Stampin, **Nor Zanarizan Wahab**, 36, pula berharap kerajaan dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan membina pusat kemahiran di kawasan luar bandar.

**Shahfian Safuan**, 36, dari Kelab Kereta-kereta Berskala pula berkata, bidang sukan antara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan jika ingin membantu golongan belia menjelang TN50.

Hal ini, katanya, kerana

terdapat penduduknya mengusahakan ladang madu lebah tetapi pengusaha terbabit tidak dapat meluaskan pasarannya kerana masalah pengangkutan.

Berdasarkan pengalaman itu, katanya, dia amat

sukan juga mampu menjana pendapatan kepada golongan belia seperti pembinaan kemudahan sukan di luar bandar boleh menggilap bakat muda sehingga menjadi atlet berjaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 23 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216